

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 5 DISEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 5

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berkenaan proses dan prosedur sistem kontrak tetap yang ditawarkan kepada "Medical Officer (MO)", "Pharmacist", "Dentist" dan apakah kelayakan yang diambil kira untuk tawaran kontrak tetap serta langkah-langkah yang dilakukan supaya proses ini adil dan tidak disalahgunakan oleh mana-mana pihak.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi yang dilantik secara kontrak bagi tujuan menjalani latihan siswazah dan/atau khidmat wajib di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) boleh dipertimbangkan untuk lantikan tetap dengan tarikh dikebelakangkan tertakluk kepada memenuhi syarat dan kekosongan jawatan. Kerajaan akan melantik bakat terbaik yang memenuhi syarat skim perkhidmatan serta memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan tertakluk kepada kekosongan jawatan tetap.

Proses penilaian bagi tujuan pelantikan tetap dibuat di sepanjang tempoh dua (2) tahun kontrak atau maksimum 3 tahun oleh Pegawai Penilai di setiap penempatan. Semua permohonan lantikan tetap disaring dan seterusnya dinilai oleh Jawatankuasa Pemilihan Lantikan Tetap di peringkat Ibu Pejabat KKM mengikut profesion masing-masing bagi memastikan proses penilaian dan pemilihan dilaksanakan dengan telus dan adil. Cadangan pelantikan tetap seterusnya akan diangkat kepada pengurusan tertinggi KKM (Ketua Pengarah Kesihatan dan Ketua Setiausaha) untuk disahkan sebelum diperakukan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) bagi pertimbangan pelantikan tetap.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 5